

**Pemahaman Tentang Islam Perlu Selari Dengan Perubahan Zaman: Taib
Bernama
27 Mac, 2012**

KUCHING, 27 Mac (Bernama) -- Untuk memastikan umat Islam terus maju, mereka perlu memahami agama itu sebagai satu cara hidup sesuai dengan perubahan dan peredaran masa di zaman moden ini, kata Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud di sini.

Beliau berkata kurangnya pemahaman mendalam tentang Islam menyebabkan ramai umat Islam hari ini berpegang kepada pemahaman lama yang tidak lagi sesuai dalam era sains dan teknologi ketika ini.

"Ajaran dan amalan dalam Islam tidak beku hanya pada satu zaman sahaja, ia sentiasa berkembang dan maju selari dengan masa kerana masyarakat Islam itu bertukar cara hidupnya dari satu zaman ke satu zaman," katanya ketika berucap pada majlis perasmian seminar fatwa peringkat negeri Sarawak di sini Selasa.

Taib berkata tafsiran-tafsiran dalam Al-Quran perlu diseragamkan dengan keadaan dan zaman yang ada dalam kehidupan manusia hari ini sebagaimana yang dibuat ketika zaman Rasulullah S.A.W.

Menurutnya golongan intelek Islam juga perlu bersama-sama membantu memberikan pemahaman dan maksud yang lebih sesuai serta tepat terjemahan-terjemahan dalam Al-Quran agar masyarakat Islam tidak terkeliru apabila merujuk sesuatu hukum dalam Islam.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655084>